

BAGAN SERAI, 25 APRIL (BERNAMA)—DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYATAKAN, ADA GULUNGAN-GULUNGAN DALAM UMNO YANG BERPENDAPAT "PERATURAN-PERATURAN PARTI TIDAK PAYAH DIPATUHI." MEREKA INI BERPENDAPAT KALAU ADA PEMIMPIN YANG SALAH MEREKA BERNAK BERTINDAK LUAR UNDANG-UNDANG ATAU PERATURAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, UMNO MEMPUNYAI, PERATURAN-PERATURAN TERTENTU UNTUK BERTINDAK.

KERANA ITULAH UMNO KEKAL SEHINGGA SEKARANG MALAH DAPAT MEMAINKAN PERANAN YANG BERKESAN DALAM NEGARA INI.

"KITA PATUT MENGHARGAI ASAS KEJAYAAN KITA INI. JIKA KITA MENGHARGAINYA PATUTLAH KITA PEGANG KUAT KEPADA UNDANG-UNDANG DAN ATURAN-PERATURAN UMNO," TEGASNYA.

DR. MAHATHIR, MERANGKAP PEMENGGU TIMBALAN PRESIDEN UMNO, BERKATA DEMIKIAN DALAM UCAPANNYA DI PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BAGAN SERAI DI SINI HARI INI. — BERSAMBUNG HM 1316

527:  
MAHATHIR 2 BAGAN SERAI

UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH PENOLONG KETUA PENERANGAN UMNO MALAYSIA, HAJI IBRAHIM AHMAD.

DR. MAHATHIR BERKATA, IA TIDAK MENAFI BAHAWA SEPATUTNYALAH AHLI TIDAK PATUH KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG TIDAK ADIL DAN TIDAK LURUS. TETAPI MASAALAHNYA SIAPAKAH YANG AKAN MENETAP SAMADA PEMIMPIN-PEMIMPIN ITU ADIL ATAU TIDAK.

"KALAU SIAPA SAJA BOLEH MENETAP DAN MEMBUAT PENGADILAN DAN DIA PULA BERTINDAK MENGIKUT PENDAPATNYA, SUDAH TENTULAH KITA AKAN MELIHAT HURU-HARA WUJUD DI KALANGAN MASYARAKAT KITA.

"KERANA SUDAH TENTU TAFSIARAN ATAU PENGADILAN YANG DI BUAT OLEH SESEORANG TIDAK AKAN SAMA DENGAN PENGADILAN DAN TAFSIARAN YANG DIBUAT OLEH ORANG LAIN," TAMBAHNYA.

SEBUAH PERTUBUHAN YANG RAMAI AHLI DAN PEMIMPIN, MEREKA INI MEMBUAT TAFSIARAN PERSENDIRIAN YANG TIDAK SAMA DAN SELEPAS ITU MEREKA BERTINDAK MENGIKUT KEPUTUSAN YANG DIBUAT OLEH MEREKA SENDIRI, DAN KESANNYA TIMBUL PERTELENGKAHAN DAN PERPECAHAN YANG BOLEH MELEMAHKAN DAN MENGHANCURKAN PERTUBUHAN. — BERSAMBUNG HM 1322

528:  
MAHATHIR 3 BAGAN SERAI

DR. MAHATHIR BERKATA UMNO KEKAL SEHINGGA SEKARANG WALAUPUN PEMIMPINNYA BERTUKAR DAN INI ADALAH DISEBABKAN ADANYA PERATURAN DAN JUGA KESANGGUPAN AHLI-AHLI MEMATUHINYA.

"JIKA KITA MENJADI SEBUAH PERTUBUHAN YANG BERGANTUNG KEPADA POPULARITI PEMIMPIN MAKA SUDAH TENTU APABILA PEMIMPIN ITU SUDAH TIDAK ADA, SAMADA MENGUNDUR DIRI ATAUPUN MENINGGAL DUNIA, PERTUBUHAN INI JUGA AKAN HANCUR.

"TETAPI OLEH KERANA UMNO BERGANTUNG DAN MEMEGANG KUAT KEPADA ATURAN-PERATURAN, KEHILANGAN PEMIMPIN TIDAK MENYEBABKAN KEHILANGAN KEKUATAN," TEGASNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, PEMIMPIN YANG LAMA DENGAN MUDAHNYA DIGANTIKAN DENGAN PEMIMPIN BARU DAN UMNO SEBAGAI PERTUBUHAN TERUS KEKAL DENGAN KUASA DAN KEKUATAN YANG SEDIA ADA.

NYATALAH BAHAWA ATURAN-PERATURAN INI BUKAN MENJADI PARTI LEMAH TETAPI SEBALEKNYA MENJADI KUAT. — BERNAMA HM 1326